

## → BISNES

### Kaji semula syarat bina rumah

Dari Ms.25

Menyentuh mengenai keluhannya harga rumah kini mahal, FD Iskandar berkata, adalah sukar untuk harga rumah susut memandangkan peningkatan kos seperti kos pembinaan dan menjalankan perniagaan.

Lagipun, katanya, adalah tidak baik untuk sebarang ekonomi, harga rumah jatuh kerana ia menandakan wujudnya masalah struktur ekonomi.

Beliau berkata, bagi mengatasi masalah harga rumah mampu dimiliki rakyat di tengah-tengah persekitaran kos semakin meningkat, kerjasama semua pihak diperlukan.

Katanya, REHDA sentiasa berhubung dengan kerajaan untuk mencari jalan bagi memastikan harga rumah yang mampu dibeli oleh rakyat.

"Ja memerlukan pendekatan holistik yang mana setiap orang memainkan peranan masing-masing untuk mengatasi masalah rumah mampu milik."

"Kerajaan Persekutuan perlu memainkan peranan mereka, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu memainkan peranan masing-masing," katanya.

#### Cabaran pemaju

FD Iskandar berkata, antara cabaran yang dihadapi pemaju hartanah swasta dalam menyediakan rumah mampu milik di negara ini buat masa ini ialah kos pembinaan seperti bahan mentah dan pembelian tanah, kos menjalankan perniagaan dan syarat pemberian pinjaman rumah yang ketat.

Beliau berkata, kerajaan negeri perlu mengkaji semula syarat membina 30-40 peratus rumah milik di kawasan pembangunan hartanah di tanah milik kerajaan negeri memandangkan tidak semua lokasi menepati permintaan dibina rumah mampu milik.

Jika lokasi tidak sesuai, akhirnya rumah mampu milik yang dibina tidak dijual yang mana mendatangkan kerugian kepada pemaju, sekali gus mewujudkan ketidakpadanan antara bekalan dan permintaan di lokasi tertentu.

# Tambah peruntukan Skim MyDeposit: REHDA

## ➔ Cadangan bantu pembeli rumah pertama

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**P**ersatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) berharap kerajaan meningkatkan lagi peruntukan untuk Skim MyDeposit dalam Bajet 2018.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar, berkata skim yang membantu pembayaran deposit untuk pembelian rumah pertama itu amat membantu dalam pemilihan hartanah dan jika peruntukan ditingkatkan, lebih ramai akan mendapat manfaat.

Katanya, REHDA juga ingin mencadangkan pengecualian 100 peratus duti setem tempoh yang lebih lama dari tarikh akhir yang disebutkan dalam Bajet 2017, iaitu sehingga Disember 2018.

"Pemanjangan tempoh pembiayaan akhir yang khusus untuk perumahan PR1MA diperluaskan agar turut merangkumi projek pemaju swasta yang kami percaya dapat banyak membantu merealisasikan objektif kerajaan untuk menggalakkan pemilihan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya dalam temu bual eksklusif bersama Kumpulan Media Prima Bhd di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

FD Iskandar berkata, REHDA juga mengharapkan dalam Bajet 2018, kerajaan dapat membantu mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta kos pematuhan yang pelbagai, supaya harga rumah dapat diturunkan atau sekurang-kurangnya dikekalkan.

Beliau berkata, pihaknya ingin mengesyorkan kerajaan memberi lebih insentif kepada pengguna, terutama yang ingin membeli rumah pertama mereka.

"Kami berharap pemilihan perumahan oleh rakyat dapat dipermudahkan dengan memberi akses pembiayaan yang lebih mudah kepada bakal pembeli."

"Antara cadangan kami ialah pengeluaran dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membayar deposit 10 peratus terus kepada pemaju, tanpa perlu menggunakan simpanan peribadi pembeli terlebih dahulu," katanya.

#### Beri kelonggaran

FD Iskandar berkata, REHDA berharap Bank Negara Malaysia dapat memberi kelonggaran pemberian pinjaman kepada pembeli hartanah khususnya pembeli rumah pertama bagi hartanah di bawah RM500,000.

Beliau juga berharap, kerajaan memberikan kelepasan cukai dan rebat kepada pemaju hartanah yang menggunakan sistem binaan berindustri (IBS).

Katanya, sasaran kerajaan untuk peserta industri menggunakan IBS menjelang 2020 mungkin tidak tercapai memandangkan peserta industri belum bersedia untuk berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan.

"REHDA menyokong IBS, tetapi untuk menjadi IBS satu realiti, kita perlu realistik dengan meletakkan sasaran lima tahun lagi bagi IBS dilaksanakan sepenuhnya," katanya.



**Pemanjangan tempoh pembiayaan akhir yang khusus untuk perumahan PR1MA diperluaskan agar turut merangkumi projek pemaju swasta yang kami percaya dapat banyak membantu merealisasikan objektif kerajaan untuk menggalakkan pemilihan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia"**

FD Iskandar,  
Presiden REHDA

Fakta  
nombor

100

PERATUS

pengecualian duti setem tempoh dari tarikh akhir yang disebutkan dalam Bajet 2017

IFSEC SOUTHEAST ASIA #IFSECSEA2017 @IFSECSEA | DAFTAR ONLINE SEKARANG DI WWW.IFSECSEA.COM

JUMPA ANDA MINGGU HADAPAN



**IFSEC Southeast Asia**  
SECURITY • FIRE • SAFETY

06 - 08 SEPT 2017 PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC) MALAYSIA

Jangan lepaskan peluang untuk melawat pameran sekuriti, keselamatan dan bantuan kebakaran terbesar di Asia Tenggara

Lebih 15 topik di Seminar merangkumi keselamatan siber, drone, sekuriti dan macam-macam lagi! Daftar online sekarang untuk menghadiri seminar PERCUMA!

Untuk keterangan lanjut, layari [www.ifsecsea.com](http://www.ifsecsea.com)

LEBIH DARI 350 JENAMA ANTARABANGSA DI IFSEC SOUTHEAST ASIA 2017



UGM MALAYSIA  
3rd FLOOR, 210, 210B, 210C, 210D, 210E, 210F, 210G, 210H, 210I, 210J, 210K, 210L, 210M, 210N, 210O, 210P, 210Q, 210R, 210S, 210T, 210U, 210V, 210W, 210X, 210Y, 210Z  
Email: [info@ugm.com](mailto:info@ugm.com)